

30/09/2003

Dr M dianugerah DK Selangor

Minarni Mat Saad

KLANG: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, malam tadi menganugerahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Darjah Yang Amat Dihormati Kelas Pertama (DK) dalam satu istiadat di Istana Alam Shah di sini.

Anugerah itu disampaikan pada majlis penyampaian Darjah Kerabat Selangor dan Jasamu Dikenang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Balai Santapan DiRaja istana berkenaan sebagai penghargaan kerajaan Selangor terhadap sumbangan dan jasa Perdana Menteri terhadap rakyat negeri itu.

Sultan Sharafuddin bertitah, Dr Mahathir wajar menerima penghormatan paling tinggi di Selangor kerana beliau adalah negarawan ulung yang memberikan sumbangan besar kepada Malaysia dan Selangor sejak memimpin negara selama 22 tahun.

Baginda menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang mempunyai visi dan misi besar untuk bangsa dan negara.

Baginda bertitah, Dr Mahathir sentiasa bekerja keras bagi memastikan visi dan misi itu menjadi kenyataan tanpa tunduk kepada tekanan kuasa luar demi kemakmuran bangsa dan negara.

"Selangor banyak menikmati hasil pembangunan itu dan rakyat hidup dalam sejahtera. Sewajarnya Datuk Seri menerima penghormatan paling tinggi di Selangor," titah baginda dalam majlis itu yang dihadiri kira-kira 800 tetamu.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Kerabat Diraja; Menteri Kabinet dan pemimpin Selangor.

Sultan Sharafuddin bertitah, Dr Mahathir berjaya memimpin dan membangunkan Malaysia ke arah kemajuan dan pada masa yang sama mewujudkan keamanan dan kestabilan ekonomi.

"Kepimpinan Datuk Seri membawa Malaysia terkenal ke seluruh dunia sehingga dikagumi banyak negara yang memilih Malaysia sebagai model dan rangka pembangunan yang cemerlang.

"Bagi negara Islam pula, Malaysia dikagumi dan diiktiraf sebagai negara Islam contoh dan ini harus menjadi kebanggaan kepada rakyat Malaysia," titah baginda.

"Beta juga kagum terhadap kecergasan Dr Mahathir kerana dalam usianya beliau masih kuat bekerja tanpa kira masa. Beta akan cari rahsia ini dari Datin Seri Dr Siti Hasmah bagaimana Dr Mahathir boleh kelihatan segar dan bergaya (sekarang)," titah baginda dan disambut tepukan gemuruh hadirin.

Dalam sembah ucapan balas, Dr Mahathir berkata, penganugerahan DK amat bermakna kepada beliau dan keluarga.

"Semoga Allah melanjutkan usia Tuanku dan Raja Muda," katanya.

Majlis diakhiri dengan bacaan puisi bertajuk 'Setajam Pena' oleh penyair Selangor, Dr Ibrahim Ghaffar.